



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN
LESEN PIHAK BERKUASA BEKALAN AIR
JABATAN AIR NEGERI SABAH**

A. KEPERLUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LESEN

1. Bahagian III, Seksyen 16 EBAS 2003 memperuntukkan bahawa tiada perusahaan bekalan air di bawah Seksyen 20 (1) boleh diurus oleh apa-apa entiti melainkan yang diberi lesen oleh Pihak Berkuasa Air Negeri di bawah Subseksyen (3). Apa-apa permohonan bagi pemberian suatu lesen di bawah bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengandungi atau disertai dengan apa-apa maklumat dan dokumen yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri bagi maksud untuk dipertimbangkan permohonan dan kesesuaian pemohon bagi lesen tersebut.

B. OBJEKTIF

Garis panduan ini menggariskan tatacara permohonan yang perlu diikuti bagi permohonan pendaftaran lesen. Pihak Berkuasa Air Negeri berhak mengemaskini garis panduan ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang pemberitahuan.

C. JENIS LESEN

Buat masa ini, terdapat Dua (2) jenis lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri iaitu :

- 1) **Lesen Pihak Berkuasa Bekalan Air (Lesen Perkhidmatan)**
- 2) **Lesen Pihak Berkuasa Bekalan Air (Lesen Kemudahan)**

D. DEFINISI

Untuk rujukan, definisi berikut adalah terpakai;

Terma	Definisi
EBAS 2003	Enakmen Bekalan air Sabah 2003
JANS	Jabatan Air Negeri Sabah
Pihak Berkuasa Air Negeri	Pengarah Jabatan air Negeri Sabah
Pihak Berkuasa Kesihatan	Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Lesen Pihak Berkuasa Bekalan Air	Lesen yang dikeluarkan kepada Organisasi yang dilesenkan di bawah EBAS 2003 untuk memiliki suatu sistem bekalan air, memberi perkhidmatan bekalan air kepada kawasan yang telah diwartakan berdasarkan kepada Seksyen 20 EBAS 2003.
Pengendali atau Operator	Orang yang bertanggungjawab melaksana, mengurus, menyelia dan mengatur segala hal ehwal berkaitan operasi harian.
Sistem Bekalan air Persendirian	a) Sistem bekalan air yang digunakan semata-mata untuk maksud membekalkan air kepada pemilik atau penghuni sesuatu premis atau penghuni itu untuk kegunaan persendirian; atau b) Apa-apa sistem bekalan air lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri
Air	Air yang boleh diminum yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri yang memenuhi Piawaian Malaysia semasa bagi air boleh diminum sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kesihatan
Lesen	Apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah EBAS 2003
Jaminan	Bagi maksud seksyen 16 (5) hendaklah termasuk bon pelaksana dalam bentuk jaminan bank atau jaminan insurans

E. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN LESEN

1. Kelayakan untuk mengemukakan permohonan:

1.1 Pemohon merupakan dalam golongan berikut:

- a) Syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
- b) Individu warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- c) Badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia; dan
- d) Mana-mana orang atau golongan orang yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dari semasa ke semasa

1.2 Sistem bekalan air yang dimiliki atau dikendalikan oleh pemohon mematuhi spesifikasi dan kehendak di bawah EBAS 2003 atau perundangan subsidarinya atau kelulusan JANS/Jurutera Profesoinal yang berkelayakan (*Qualified Person*) seperti berikut;

a) Sistem dibina selepas EBAS 2003 berkuatkuasa

Sistem Bekalan Air Persendirian

Surat Kelulusan daripada Jabatan Air Negeri Sabah & Lukisan Plan

b) Sistem dibina sebelum EBAS 2003 berkuatkuasa

Perakuan siap dan pematuhan/Sijil Layak Menduduki (OC)/Surat Pengesahan

Siap Kerja (LOC) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.3 Pemohon/pemilik juga boleh mengemukakan Akaun Berkanun sepertimana format di **Borang JANS 3** untuk mengesahkan bahawa sistem mematuhi kehendak di bawah EBAS 2003 dan perundangan subsidarinya sekiranya tidak mengemukakan dokumen 1.2 (a) dan 1.2 (b).

1.4 Pemohon/pemilik hendaklah memberikan pengesahan bahawa syarikat yang memohon pendaftaran lesen tidak melakukan sebarang pelanggaran dan adalah bebas daripada sebarang siasatan atau tindakan penguatkuasaan di bawah EBAS 2003 dan perundangan subsidarinya dan bebas daripada siasatan pihak polis berhubung perkara berkaitan dengan apa-apa lesen/permit yang dikeluarkan di bawah EBAS 2003.

2. KETERANGAN JENIS SISTEM

2.1 Pendaftaran lesen diperlukan bagi pemilik atau pengendali kesemua jenis sistem bekalan air persendirian di mana sistem hendaklah memenuhi kehendak proses rawatan air mengikut piawaian operasi Pihak Berkuasa Air Negeri.

F. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN LESEN

1. Mengemukakan dokumen sokongan sepertimana di dalam senarai semak. Semua permohonan hendaklah mengepilkan senarai semak, borang-borang berkaitan (Rujuk borang di item 2 dibawah) dan dokumen sokongan yang lengkap.

2. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan mengisi borang-borang berikut:

- a) Permohonan Borang A
- b) Borang JANS 1(a) atau JANS 1(b) atau kedua-duanya

3. Permohonan lengkap bersama dokumen sokongan, hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut:

**Pengarah
Ibu Pejabat, Jabatan Air Negeri Sabah
Blok A, Tingkat 6,
Wisma MUIS Beg Berkunci 210,
88825 Kota Kinabalu, Sabah
Malaysia**

4. Carta aliran proses pengurusan permohonan pendaftaran lesen adalah sebagaimana di LAMPIRAN 2.

5. **Permohonan pembaharuan** hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **enam (6) bulan sebelum tarikh luput pendaftaran**

G. FI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN LESEN

1. Bayaran fi pendaftaran dan pembaharuan lesen kelas hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank, Kiriman wang, wang pos atau cek syarikat bagi **setiap lokasi sistem** atas nama **JABATAN AIR NEGERI SABAH**.

2. Fi pendaftaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh pemakluman kelulusan pendaftaran lesen diberikan. Pendaftaran lesen hanya akan dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7)** hari bekerja.

3. Lesen pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh JANS boleh diambil sendiri oleh pemohon atau wakil (dengan surat perwakilan) di Ibu Pejabat JANS.

4. Fi Lesen Pihak Berkuasa Bekalan Air adalah seperti berikut:-

FEES

<i>Types of Fees</i>	<i>Fees (RM)</i>
<i>Application fee</i>	<i>10,000</i>
<i>Processing fee for Renewal of licence</i>	<i>10,000</i>
<i>Application Certified true copy of Licence</i>	<i>50</i>
<i>Fee for change in particulars of licence</i>	<i>100</i>
<i>Application to impose additional conditions, vary or revoke the conditions of licence</i>	<i>1,000</i>
<i>Application for transfer of licence</i>	<i>5,000</i>
<i>Fee for replacement of licence</i>	<i>1,000</i>
<i>Fee for making of copy of, or taking extracts from the register</i>	<i>50</i>
<i>Security</i>	<i>5% of fix aset</i>

ANNUAL LICENCE FEE

<i>Type</i>	<i>Nature</i>	<i>Annual licence fee</i>
<i>Ownership only</i>		<i>1% of the gross turn over of the preceding financial year</i>
<i>Water Supply Services</i>	<i>Water Distribution Water Treatment Water Biling</i>	<i>1% of the gross turn over of the preceding financial year</i>
<i>Ownership and Water Supply Services held by the same legal entity</i>		<i>1% of the gross turn over of the preceding financial year</i>

H. TEMPOH SAHLAKU PENDAFTARAN

Tempoh sahlaku pendaftaran adalah selama **Dua (2) tahun** daripada tarikh kelulusan diberikan. Tiada pemulangan fi akan dibuat sekiranya pendaftaran dibatalkan sebelum tamat tempo sahlaku.

I. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN LESEN/RAYUAN

Penggantungan dan pembatalan lesen tertakluk berdasarkan kepada **Seksyen 18 EBAS 2003**, manakala proses mengemukakan rayuan baginya adalah berdasarkan kepada **Seksyen 19 EBAS 2003**.

J. PERINGATAN

1. Sekiranya terdapat perubahan butir-butir pendaftaran lesen yang telah mendapat kelulusan, pemegang kelas hendaklah memaklumkan kepada JANS secara bertulis dengan mengisi Borang A dan Borang JANS 1(a) / JANS 1(b) atau kedua-duanya bersama dengan pendaftaran yang telah dikemaskini (jika perlu) beserta fi yang telah ditetapkan seberapa segera yang mungkin.
2. Jika pertukaran butir-butir adalah berkenaan lokasi sistem atau jika terdapat perubahan kepada sistem seperti peningkatan kapasiti atau perubahan lokasi sistem, pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran yang baharu berserta fi.
3. Permohonan yang didapati mengandungi maklumat tidak benar atau palsu, kelulusan permohonan akan dibatalkan serta merta.
4. Pihak JANS boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan EBAS 2003 kepada mana-mana pemilik atau pengendali sistem rawatan air persendirian yang tidak memegang lesen kelas.

K. SYARAT DAN SEKATAN KE ATAS PEMEGANG LESEN

1. Seksyen 18 EBAS 2003, pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi lesen dan apa-apa syarat lain yang dikenakan dari masa ke semasa bagi mengelakkan lesen digantung atau dibatalkan.

2. Persempelan dan analisis air perlu dilaksanakan berdasarkan Malaysia Standard Drinking Water – Quality Requirement MS2320:2010 dan memastikan kualiti air menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia pada setiap masa. Sila Rujuk parameter dan kekerapan minima yang dikehendaki oleh JANS pada **LAMPIRAN 1**.
3. Seksyen 16 (6) EBAS 2003, lesen ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran bertulis Menteri.
4. Pendaftaran lesen boleh dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri jika pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana syarat lesen atau peruntukan EBAS 2003 atau perundangan subsidarinya atau apa-apa sebab yang ditetapkan dari masa ke semasa.

LAPORAN KUALITI AIR MENTAH/TERAWAT

1. Bagi pemegang lesen perkhidmatan sistem rawatan air, persampelan dan analisa air perlu dilaksanakan berdasarkan Malaysia Standard Drinking Water – Quality Requirement MS2320:2010 dan memastikan kualiti air menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia pada setiap masa sepertimana parameter berikut:

NO	TEST PARAMETER
A)	Baki Klorin
B)	pH
C)	Aluminium
D)	Kekeruhan
E)	E.coli
F)	Iron (fe)
G)	Manganese (ma)
I)	warna

2. Laporan kualiti air di para 1 perlu dikemukakan untuk permohonan pembaharuan pendaftaran lesen. Hanya kualiti air yang menepati piawaian KKM sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan. **Laporan yang dikemukakan hendaklah merujuk kepada kualiti air terkini atau tidak melebihi 6 bulan dari tarikh kelulusan permohonan.**
3. Selain itu, sebagai salah satu syarat yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen perkhidmatan sistem bekalan air, laporan kualiti ujian analisa kualiti air minima di Para 1 perlu dikemukakan setiap bulan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri.

Peringatan:

Persampelan dan analisa kualiti air terawat perlu dilaksanakan oleh makmal yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia melalui Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)